

Buku himpunan ucapan Dr. Mahathir jadi bacaan asas SRJK Tamil

UM - 7 NOV 2003

KUALA LUMPUR 6 Nov. — Buku himpunan 29 ucapan Tun Dr. Mahathir Mohamad, *Islam and The Muslim Ummah* yang diterjemahkan ke bahasa Tamil akan menjadi buku bacaan asas semua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di seluruh negara mulai Januari depan.

Pengerusi Yayasan Pendidikan Islam (YPI), Datuk Mohamed Iqbal berkata, semua perpustakaan sekolah-sekolah Tamil akan

dibekalkan dengan sekurang-kurangnya satu naskhah buku tersebut.

Katanya, langkah itu bertujuan menanamkan sikap dan sifat kepimpinan, idea dan wawasan pembangunan negara berasaskan kemurnian Islam oleh bekas Perdana Menteri berkenaan kepada generasi baru.

“Kita (YPI) mahu cita-cita dan wawasan berbilang kaum yang dicetuskan oleh Dr. Mahathir dapat dihayati oleh generasi muda

masyarakat berketurunan India yang turut bertanggungjawab membangunkan negara.

“Buku itu juga membuktikan beliau sebagai arkitek pembangunan negara yang tidak hanya memberi tumpuan kepada orang-orang Melayu dan Islam tetapi semua keturunan di negara ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyerahkan 550 naskhah terjemahan buku tersebut kepada Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad di Kementerian Pendidikan di sini hari ini.

Islam and The Muslim Ummah versi bahasa Tamil diterjemahkan oleh Prof. Nazir Ali dari India dengan kerjasama beberapa tokoh Islam dari Malaysia dan Singapura.

Mohamed berkata, YPI sebagai penerbit buku tersebut memilih *Islam and The Muslim Ummah* sebagai terjemahan pertama kerana ia memuatkan secara lengkap pemikiran, konsep dan nilai pembangunan negara berasaskan Islam.

Beliau berkata kandungan buku itu dapat menjadi petunjuk kepada generasi muda bahawa pembangunan negara berasaskan acuan Islam oleh Dr. Mahathir tidak mengabaikan penganut-penganut agama lain.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, sebuah buku untuk setiap sekolah tidak mencukupi untuk dijadikan bahan bacaan asas dan memerlukan lebih banyak pihak tampil menaja buku tersebut supaya setiap sekolah mempunyai sekurang-kurangnya lima naskhah.

Ketika ditanya kemungkinan pemikiran Dr. Mahathir dapat diusulkan sebagai salah satu subjek pendidikan di sekolah-sekolah Tamil, beliau berkata, keputusan hanya dapat dibuat oleh Kementerian Pendidikan.

Katanya, penggunaan bahasa yang tinggi dan bersifat teknikal dalam buku tersebut memerlukan bimbingan guru-guru untuk menerapkan dalam bentuk yang lebih mudah kepada para pelajar.

“Apa yang ingin kita tekankan ialah supaya idea dan gagasan 29 ucapan Dr. Mahathir dalam buku itu dapat disampaikan

dengan berkesan kepada para pelajar kerana ia merupakan cara dan konsep pembangunan negara yang berkesan.

“Kita tidak mahu, idea bernas dan pandangan jauh Dr. Mahathir terbiar begitu sahaja terutamanya pada generasi baru berbilang kaum di negara ini,” tambah beliau.